Selain daripada itu, penulis berpendapat bahawa identiti sesuatu kawasan atau lokaliti juga adalah salah satu elemen penting yang boleh dititik beratkan untuk dimasukkan di dalam sesebuah rekaan logo itu. Setiap negeri di Malaysia sebenarnya membawa identiti yang berbeza-beza. Identiti tersebut bukan sahaja mencerminkan keunikan negeri-negeri ini tetapi menjadikan rekaan logo yang bakal dihasilkan lebih menarik dan boleh menjadi salah sebuah elemen promosi kepada negeri yang berkenaan.

Penulis telah menjalankan kajian kualitatif dalam mencari identiti khusus Negeri Perak bagi tujuan penghasilan elemen utama kepada rekaan logo. Elemen yang merujuk kepada pelancongan seperti Pulau Pangkor, Teluk Batik dan Teluk Senangin yang berada di dalam Negeri Perak dilihat boleh menjadi salah satu sumber elemen rujukan dalam mencari identiti Negeri Perak. Walaupun, pereka logo perlulah mahir dalam mengolah elemen-elemen yang sesuai dalam menterjemahkan elemen pelancongan Negeri Perak ini di dalam penghasilan logo.

Antara visual identiti cadangan penulis dalam penghasilan logo yang mana dirujuk daripada pelancongan Negeri Perak adalah seperti ikan bilis mata biru, Masjid Terapung Pulau Pangkor dan visual yang merujuk kepada aktiviti pelancongan di tempat-tempat tersebut. Selain daripada itu, Labu Sayong yang popular di Kuala Kangsar juga boleh dijadikan salah satu pilihan elemen identiti penghasilan logo yang merujuk kepada Negeri Perak.

Visual asal Labu Sayong boleh diolah dan digayakan dengan pelbagai teknik rekaan grafik menarik dalam proses menjadikan ia kepada rekaan logo. Seterusnya, rekaan tekat emas serta perhiasan Negeri Perak termasuk pakaian tradisi Negeri Perak juga boleh dijadikan sumber inspirasi kepada mereka yang ingin menghasilkan rekaan logo yang beridentitikan Negeri Perak ini. Ini secara tidak langsung, identiti negeri boleh dipelihara dan diterjemahkan didalam rekaan logo perniagaan itu sendiri. Ia juga secara tidak langsung memperlihatkan asal (*originality*) sesuatu perniagaan itu dijalankan.

Sebagai penutup, diingatkan bahawa rekaan logo yang baik adalah logo yang bersifat tertutup (*close gestalt*), dipermudahkan (*simple*) dan telah digayakan (*stylize*) daripada bentuk asalnya. Ini secara tidak langsung menjadikan logo yang dihasilkan mudah diaplikasikan dimana-mana sahaja. Kajian visual bagi negeri-negeri lain di dalam Malaysia juga boleh dirujuk dalam mencari visual atau elemen identiti yang boleh digunapakai oleh perniagaan sebagai rekaan logo mereka.

- Merupakan pandangan peribadi penulis



Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR): Mendorong Keusahawanan Perniagaan Tempatan

Faizatul Akmam Binti Amirrudin¹ and Balqis Binti Mohd Shariff¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam, Malaysia

**Email koresponden: akmamamir671@uitm.edu.my*

Pengenalan

Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dilancarkan pada 26 Februari 2023 dengan peruntukan RM750 hasil pembentangan Belanjawan 2024. IPR menumpukan kepada pendekatan serampang dua mata untuk meningkatkan pendapatan keluarga miskin tegar, miskin dan kumpulan B40 di samping mengurangkan masalah ekonomi harian melalui inisiatif IPR. Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, program IPR berupaya membantu golongan terbabit menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan bagi membolehkan mereka keluar daripada garis kemiskinan. Beliau berkata, sasaran itu berdasarkan kajian yang dilaksanakan pihaknya berasaskan garis kemiskinan tegar yang ditetapkan pada kadar RM1,900 sebulan.

Ia menumpukan usaha membasmi kemiskinan dan menambah pendapatan rakyat menerusi inisiatif pertanian, perniagaan makanan dan operator perkhidmatan dengan mewujudkan ekosistem antara pemohon, pemegang taruh dan masyarakat setempat. Inisiatif ini melibatkan kerjasama antara kerajaan, rakyat dan rakan strategik selaras dengan pendekatan keseluruhan negara seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) serta prinsip Ihsan di bawah Kerangka Dasar Madani.

Program IPR di bawah kelolaan Kementerian Ekonomi ini memfokuskan kepada tiga (3) model iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Inisiatif Usahawan Tani (INTAN)

Program IPR INTAN dirancang bagi mencapai objektif strategik dalam meningkatkan

keberkesanan pembasmian kemiskinan dan menambah pendapat rakyat selain meningkatkan kemampuan bekalan makanan serta membantu usaha mengawal harga di pasaran.. IPR INTAN adalah inisiatif untuk merekrut golongan sasar yang berminat dalam pertanian dengan memilih hasil tanaman yang tinggi seperti cili, halia dan jagung.

IPR INTAN menggunakan pendekatan menjadikan tapak pertanian sebagai “kilang” dengan berusaha mengelakkan peserta mengalami risiko kerugian seperti serangan penyakit dan kekurangan hasil tuaian. Peserta menjadi pekerja yang menguruskan plot yang telah dibangunkan dengan kaedah pertanian moden dan diberi Latihan. Menurut Rafizi Ramli, Peserta diberi jaminan menerima sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan setiap kali pusingan tanaman, dengan elaun RM600 sebulan dalam 2-3 bulan.pertama sebelum boleh dituai.

Kerajaan turut memberi bantauan untuk tempoh pemantauan 24 bulan memandangkan IPR INTAN mengambil masa yang lebih Panjang untuk mendapat pendapatan kerana perlu menunggu sehingga hasil boleh dituai.

Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN)

IPR INSAN pula menyasar peserta menjual makanan umum pada harga rendah (serendah RM2) kepada komuniti untuk sarapan dan makanan tengahari, melalui mesin layan diri (vending machine) di tempat terpilih serta kos sewaan bulanan dianggarkan antara RM600 hingga RM800 ditanggung sepenuhnya kerajaan selama dua tahun. Program ini mampu meningkatkan jualan melalui penambahan lokasi tumpuan. Peserta IPR INSAN dibekalkan

dengan pelbagai kemudahan termasuk latihan perniagaan secara percuma, Latihan kemahiran dan teknologi, premis perniagaan disediakan, sokongan pembimbing dalam ekosistem melalui koperasi, bantuan promosi dan pemasaran. Hasil positif daripada program ini termasuklah kurang kebergantungan kepada pekerja asing, permintaan berterusan mesin layan diri membuka peluang kerja kepada graduan tempatan

Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN)

IPR IKHSAN adalah komponen ketiga dalam pelaksanaan program IPR yang memberikan platform kepada rakyat yang berkemahiran dalam penyelenggaraan dan perkhidmatan untuk terlibat terus dalam aktiviti operator perkhidmatan.

Menerusi IPR IKHSAN, kerajaan akan melantik peserta dari golongan miskin tegar dan B40 untuk bersama dalam operator kawal selia kemudahan kerajaan seperti tandas awam atau pejabat.

Program ini adalah untuk menarik rakyat menceburi pekerjaan di sector "3D" (*dangerous, difficult, dirty*) yang kurang diminati oleh pekerja tempatan dan menjadi punca kebergantungan kepada pekerja asing yang berterusan. Peserta IPR IKHSAN akan mendapat pendapatan dari dua sumber, iaitu kutipan harian orang awam untuk masuk ke tandas atau kelengkapan kemudahan lain. Menurut Rafizi Ramli, sekiranya pendapatan adalah kurang, mereka akan diberi elaun tambahan untuk digenapkan pendapatan mencecah RM2,000 sebulan. Antara pihak yang terlibat dalam model IKHSAN adalah syarikat-syarikat swasta yang memerlukan pekerja-pekerja sambilan untuk tujuan pembersihan premis dan premis-premis agensi kerajaan

Penutup

Pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang tersusun dan berseksyen mampu meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan rakyat terutama golongan sasaran (miskin tegar dan golongan B40) dan seterusnya menamatkan kemiskinan di Malaysia. Ini juga merupakan penstrukturan semula ekonomi negara dengan pengenalan program-program yang lebih bersepadu, cekap dan berimpak tinggi serta berpanjangan untuk manfaat golongan memerlukan di masa akan datang. Sokongan dan bantuan kerajaan yang berterusan diharapkan dapat mengubah nasib golongan sasaran dan

seterusnya manfaat ini dapat dirasakan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Rujukan

- [1] <https://malaysiagazette.com/2023/02/26/ipr-bantu-b40-jana-rm2000-sebulan-rafizi/>
- [2] <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1167857/projek-intan-ipr-sabah-tingkatkan-pendapatan-bulanan-150-miskin>
- [3] <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1071835/miskin-tegar-dilatih-sebagai-operator-perkhidmatan>
- [4] <https://www.suarakeadilan.my/post/ipr-baru-dilancarkan-lebih-10-000-pendaftaran-rafizi>
- [5] https://www.sinarharian.com.my/article/251867/berita/nasional/pembiayaan-ipr-dijangka-mula-disalur-april#google_vignette
- [6] <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1223425/99506-sertai-program-inisiatif-pendapatan-rakyat>
- [7] <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/964807/peserta-ipr-berupaya-keluar-dari-kemiskinan-dalam-dua-tahun-metrotv>
- [8] <https://www.sinarharian.com.my/article/634789/khas/pendapat/misi-menamatkan-miskin-tegar>
- [9] <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1071835/miskin-tegar-dilatih-sebagai-operator-perkhidmatan>
- [10] <https://www.youtube.com/shorts/Nth1gFrlp0U>
- [11] <https://harianpost.my/inisiatif-pendapatan-rakyat-ipr/>
- [12] <https://www.suarakeadilan.my/post/usahawan-tani-ipr-intan-jana-pendapatan-rm3-000-sebulan>

Kepentingan dan Penggunaan Teknologi dalam Industri Kecil dan Sederhana Kepada Sektor Ekonomi Malaysia Dalam Pembangunan Negara

¹Noor Malinjasari Ali, ¹Raslina Mohamed Nor, ¹Suzila Mat Salleh, ¹Ruzaidah binti Sulong @ A. Rashid, ¹Hasmida Mohd Noor, ¹Siti Fatimah Mardiah Hamzah, ²Rahayu Izwani Borhanuddin, ³Hasmi Mokhlis, ⁴Roszainora Haji Setia, ⁵Kardina Kamaruddin

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia

²Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Malaysia

³Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Malaysia

⁴Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Malaysia

⁵Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Malaysia

Emel koresponden: hasmi@uitm.edu.my

Pembangunan ekonomi yang pesat telah menimbulkan kesan dan perubahan kepada negara secara ekonomi, politik, dan sosial. Dasar Keusahawanan Negara 2030, telah menekankan kepada semua pihak terutama masyarakat untuk menikmati kemakmuran ekonomi negara. Berdasarkan kepada perkembangan ekonomi semasa, Malaysia memberi tumpuan kepada penjana perkembangan ekonomi melalui peningkatan produktiviti dan kecekapan perusahaan (Rahman, Ali & Anuar, 2024).

Kepentingan IKS kepada ekonomi adalah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi terutamanya kepada usahawan desa yang kebanyakannya menjadi nadi utama IKS. Sebagai contoh, barangan IKS di desa seperti kraf tangan, kerepek, dan lain-lain dijual di pasaran kampung dan pelancong tempatan yang berkunjung ke desa tersebut. Usahawan desa IKS ini juga menjual barangan mereka di pasar malam, pasar tani dan di mana-mana karnival jualan. Perniagaan mereka bukan sahaja membolehkan mereka mendapatkan keuntungan tetapi juga menyediakan peluang pekerjaan kepada anak tempatan di desa terbabit. Usahawan desa IKS memerlukan pekerja bagi tujuan penyediaan bahan, pembungkusan, dan pemasaran produk mereka (Rahman et al, 2024). Namun begitu, usahawan desa masih memerlukan bantuan kerajaan dalam menyediakan perundingan serta bantuan alatan dan mesin untuk memastikan perniagaan mereka boleh terus dibangunkan dan juga memberi ruang kepada industri pelancongan untuk berkembang dengan penghasilan kraf tangan sebagai cenderahati dan seumpamanya.

IKS juga memastikan bahawa penawaran bahan keperluan digunakan dalam proses pengeluaran terutamanya dalam sektor perikanan dan pertanian. Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk bahan mentah, kerajaan telah menyediakan khidmat pakar dan kewangan seperti FAMA (*Federal Agricultural Marketing Authority*), PELADANG (*Farmers' Organization Authority*) dan pelbagai lagi (Rahman et al, 2024). Tambahan pula, sektor IKS juga telah menggalakkan perkembangan sektor pelancongan secara langsung atau tidak langsung.

Penggunaan Teknologi dalam Industri Kecil dan Sederhana

IKS adalah signifikan kepada usahawan desa atau luar bandar dalam menggerakkan ekonomi setempat. Kajian lepas telah menekankan kepada penggunaan teknologi kepada peniaga tradisional sebagai satu langkah untuk mendapatkan kelebihan berbanding para pesaing mereka terutama dalam konteks cabaran baru dalam bentuk saluran baru dalam perniagaan terutamanya dalam konteks aplikasi teknologi digital (Aithal et al, 2022). Kajian lepas juga telah menyatakan bahawa penggunaan teknologi digital boleh membantu IKS dalam mewujudkan nilai dalam membuat keputusan, perkhidmatan pelanggan, hubungan dengan pembekal dan keseluruhan peningkatan dalam operasi yang cekap dalam perniagaan (Aithal et al, 2022; Idris et al, 2023).

Pandemik COVID-19 menyaksikan dan memaksa pelanggan untuk memilih pembelian secara dalam talian dan menyebabkan usahawan IKS perlu turut sama terjebak dalam perniagaan dalam talian berikutan permintaan pelanggan yang berubah (Halan, 2021). Pandemik COVID-19 juga telah menyaksikan usahawan IKS ini berkembang secara meluas memandangkan batasan dalam pergerakan iaitu MCO (*Movement Control Order*) menyebabkan pelanggan mencari barangan daripada peniaga setempat dan bukan daripada pasaraya besar serta menjadikan IKS berkembang untuk memenuhi permintaan pelanggan. Teknologi yang digunakan oleh usahawan IKS adalah dalam bentuk mudah seperti mengambil pesanan melalui WhatsApp kepada aplikasi dalam telefon pintar, pembayaran melalui kod QR, pembelian dan pengurusan kredit. Aplikasi di telefon mudah alih adalah mudah, mesra pengguna, dan memperkenalkan usahawan kepada strategi promosi untuk menembusi pasaran (Halan, 2021; Aithal et al, 2022; Idris et al, 2023)

Sebagai kesimpulan, penggunaan teknologi penting terutama dalam sektor industri kecil dan sederhana terutama apabila IKS ingin berdaya saing dengan syarikat yang lebih besar dan memajukan syarikat dalam pembangunan sektor ekonomi di Malaysia. Penggunaan teknologi yang mudah dan berkesan buat usahawan membolehkan usahawan IKS mempunyai

kelebihan berbanding dengan para pesaing mereka seterusnya memantapkan lagi strategi syarikat mereka dalam pembangunan ekonomi.

Rujukan

- [1] Aithal.R.K., Choudhary.V., Maurya H., Pradhan.D., Sarkar.D.N., (2022). Factors influencing technology adoption among small retailers: insight from thematic analysis, *International Journal of Retail & Distribution Management*, 5(1). 81-102.
- [2] Halan, D (2021). E-trailers adaptation during early stage of social distancing cause crises: an exploratory study. *International Journal of Retail & Distribution Management*, Vol 49 (11), 2554-2570.
- [3] Idris A., Bukhari N.J., Yunus M.M., Abdul S.A. (2023). Digital technology adoption among rural entrepreneurs during the covid-19 pandemic, *Jurnal Pengurusan*. 67. doi:10.17576/pengurusan-2022-67-12.
- [4] Rahman.S.N.A., Ali.N., Anuar A (2024). Exploring small medium enterprise (SME) owners resources for resilience. *Jurnal Intelek*, 19(1), 1-9



Keusahawanan dan Penggunaan AI (Kecerdasan Buatan)

Suzila Mat Salleh, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Noor Malinjasari Ali, Ruzaidah Sulong@A.Rashid, Raslina Mohamed Nor, Hasmda Mohd Noor dan Noor Hafiza Mohammed

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia

Emel Koresponden: suzilamsalleh@uitm.edu.my

Keusahawanan menggunakan kecerdasan buatan (AI) sangat dikenali di serata dunia namun iasemakin popular di Malaysia sejak kebelakangan ini. Teknologi kecerdasan buatan (AI) merupakan simulasi kecerdasan manusia yang digerakkan oleh mesin. Namun, kecerdasan buatan (AI) atau dikenali sebagai Artificial Intelligence) telah menjadi fokus utama di Malaysia dengan beberapa langkah strategik telah dilakukan untuk memperkukuhkan kewujudannya. Antara inisiatif yang telah dilakukan dalam konteks keusahawanan AI di Malaysia termasuklah "Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Kebangsaan 2021-2025". Pelan ini diwujudkan untuk membangunkan ekosistem inovasi AI dengan kolaborasi daripada kerajaan, industri, akademik dan masyarakat. Ia menggariskan 11 kes penggunaan AI dalam lima bidang keutamaan negara: pertanian & perhutanan, perubatan & penjagaan kesihatan, bandar pintar & pengangkutan, pendidikan, dan perkhidmatan awam. Terdapat kira-kira 121 syarikat yang berfokuskan AI telah diprofilkan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sehingga Oktober 2023.

Berdasarkan laporan Norshahzura (2019) dalam artikel Sinar Harian, sebanyak 67 peratus pemimpin perniagaan dan 64 peratus pekerja meyakini bahawa kecerdasan buatan (AI) akan meningkatkan kualiti kerja mereka dan mengurangkan tugas-tugas yang dijangkakan akan berulang. Disebabkan keperluan AI dan perkembangan teknologi yang semakin pesat ini, beberapa syarikat e-dagang di negara ini telah mula menggunakan teknologi AI untuk meningkatkan pengalaman pelanggan dan efisiensi dalam jualan. Berikut adalah beberapa contoh penggunaan AI dalam keusahawanan Malaysia:

1. **Shopee Malaysia:** Shopee menggunakan chatbot bagi menyediakan sokongan kepada pelanggan untuk berkomunikasi dengan pelanggan secara efektif. Fungsi chatbot ini termasuklah auto-balas mesej, sokongan soalan dan robot chat untuk meningkatkan

kepuasan pelanggan.

2. **Grab Malaysia:** Grab menggunakan "Dynamic Pricing" untuk meramalkan permintaan pelanggan dan menyesuaikan harga secara dinamik. Model ini memberi ruang kepada pemandu secara adil apabila menghadapi keadaan yang tidak diduga seperti kesesakan lalu lintas atau cuaca buruk. Harga akan meningkat sekiranya permintaan tinggi.
3. **Carsome Malaysia:** Carsome menggunakan AI untuk menilai keadaan pasaran kereta yang dijual. Penilaian kereta dalam talian diperkenalkan untuk menentukan harga terbaik untuk kereta. Selain itu, terdapat beberapa syarikat lain di Malaysia yang juga memanfaatkan kecerdasan buatan (AI) dalam operasi mereka.

Berikut adalah beberapa contoh syarikat gergasi Malaysia yang menggunakan kecerdasan buatan bagi memperkukuhkan lagi perkembangan syarikat mereka.

1. **Celcom Axiata:** Celcom menggunakan AI untuk menganalisis data pengguna dan menyusun plan langganan yang disesuaikan serta meningkatkan sokongan pelanggan.
2. **Bank CIMB :** CIMB Bank menggunakan teknologi kecerdasan buatan untuk meningkatkan proses pengesahan identiti pelanggan dan menganalisis corak perbelanjaan bagi penawaran perbankan yang lebih relevan.
3. **Boost eWallet:** Boost pula menggunakan kecerdasan buatan untuk menyusun tawaran yang disesuaikan dengan keperluan pengguna, membolehkan sistem insentif dan diskaun yang lebih efektif.

Secara kesimpulannya, keusahawanan AI di Malaysia menunjukkan perkembangan pesat dalam penggunaan kecerdasan buatan oleh syarikat tempatan dalam menawarkan ruang dan peluang untuk inovasi dan

pertumbuhannya. Dengan perkembangan positif ini, diharapkan teknologi dapat diintegrasikan dalam syarikat sekaligus membolehkan negara berkembang seiring teknologi terkini.

Rujukan

- [1] Augustin, S. F. (2021, September 14). How carsome became malaysia's largest tech unicorn – with a little help from a friend. Technode Global. Retrieved June 21, 2024, from <https://technode.global/2021/09/14/how-carsome-became-malaysias-largest-tech-unicorn-with-a-little-help-from-a-friend/>
- [2] Azmi, H. (2023, November 19). Manfaatkan teknologi kecerdasan buatan sebagai 'hamba' perusahaan anda. Astro Awani. Retrieved June 21, 2024, from <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/manfaatkan-teknologi-kecerdasan-buatan-sebagai-hamba-perusahaan-anda-446632>
- [3] (n.d.). Boost bank officially launches its pioneering embedded digital bank app to malaysians. BoostBank. Retrieved June 21, 2024, from https://axiata.listedcompany.com/newsroom/Press_Release-Boost_Bank_Launch_20240606.pdf
- [4] Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (n.d.). Malaysia's national artificial intelligence (AI) roadmap 2021-2025. Portal Rasmi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Retrieved June 21, 2024, from <https://www.mosti.gov.my/berita/malaysias-national-artificial-intelligence-ai-roadmap-2021-2025/>
- [5] Mat Zuki, N. (2019, April 8). Teknologi AI dalam bisnes: Pemimpin perniagaan perlukan strategi budayakan ketangkasan kerja. Sinar Harian. Retrieved June 21, 2024, from <https://www.sinarharian.com.my/article/22343/BISNES/Teknologi-AI-dalam-bisnes-Pemimpin-perniagaan-perlukan-strategi-budayakan-ketangkasan-kerja>
- [6] Nathan, L. (2018, July 26). The science behind Grab. The Malaysian Reserve. Retrieved June 21, 2024, from <https://technode.global/2021/09/14/how-carsome-became-malaysias-largest-tech-unicorn-with-a-little-help-from-a-friend/>
- [7] Othman, N. Z. (2022, August 15). CIMB boosts digital banking capability to meet customers' needs. New Straits Times Business Times. Retrieved June 21, 2024, from <https://www.nst.com.my/lifestyle/bots/2022/08/822496/tech-cimb-boosts-digital-banking-capability-meet-customers-needs>



Keusahawanan dan Robotik di Jepun

Suzila Mat Salleh, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Noor Malinjasari Ali, Ruzaidah Sulong@A.Rashid, Raslina Mohamed Nor, Hasmida Mohd Noor dan Noor Hafiza Mohammed

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia

Emel koresponden: suzilamsalleh@uitm.edu.my

Negara Jepun terkenal dengan hubungan uniknya dengan robot dan sejarah juga telah membuktikan Jepun maju dengan pesatnya dalam bidang keusahawanan dan inovasi teknologi yang berkaitan dengan robot. Mutakhir ini, kewujudan robotik telah menjadi titik tumpuan yang mendorong pertumbuhan ekonomi dan transformasi sosial bukan sahaja di Jepun malah di seluruh dunia. Perkembangan teknologi telah mendorong pemain industri untuk turut sama terlibat dalam industri robotik ini.

Selepas Perang Dunia Kedua, Jepun didorong oleh semangat keusahawanan dan usaha untuk berkembang maju. Syarikat seperti Sony, Toyota dan Honda merupakan antara organisasi besar Jepun yang menekankan inovasi dan kualiti dalam perusahaannya. Pembangunan industri robotik di Jepun mula berkembang seawal tahun 1980an dengan penyelidikan yang dilakukan oleh universiti dan industri tempatan Jepun. Universiti dan institusi penyelidikan Jepun memupuk inovasi dan idea-idea bernas dalam menyokong perkembangan robotik seterusnya menggalakkan pelaburan robotik.

Dengan galakan terhadap robotik, maka munculnya syarikat-syarikat yang terlibat dengan robotik seperti Cyberdyne (memfokuskan kepada pemulihan perubatan), Preferred Networks (terlibat dengan industri robotik yang bekerjasama dengan Toyota) dan ZMP (terlibat dalam robotik berkaitan kenderaan). Namun begitu, syarikat seperti Fanuc dan Yaskawa mendominasi pasaran dalam industri robotik ini. Robot servis contohnya seperti Pepper dan Paro, digunakan dalam sektor kesihatan, hospitaliti dan peruncitan. Tambahan pula, penyelidikan robot humanoid seperti ASIMO masih lagi dilakukan yang terlibat dalam konteks hiburan dan kegunaan lain.

Kesimpulannya, keusahawanan dalam sektor robotik di Jepun sedang berkembang maju dalam pelbagai bidang. Semangat keusahawanan merupakan pendorong utama dalam memastikan Jepun terus menguasai dan mendahului dalam industri robotik ini. Malaysia juga tidak seharusnya ketinggalan dalam industri ini dan perlu melihatnya sebagai perkembangan positif. Pasaran robotik di Malaysia dijangkakan

akan mencecah RM103.1 bilion menjelang 2030. Ini memberi satu cabaran buat Malaysia untuk lebih maju melalui inovasi dan penyelidikan dalam bidang robotik ini seiring perkembangan teknologi yang semakin cepat dan pantas. Adalah diharapkan Malaysia dapat menjadi hab robotik dalam bidang perkhidmatan, pertanian dan pengilangan menjelang 2030 nanti demi merealisasikan wawasan Pelan Hala Tuju Robotik Negara 2021-2030.

Rujukan

1. Japan's entrepreneurial ecosystem: A comparative analysis. Journal of Entrepreneurship in Emerging Economies.
2. Japan's Robot Revolution: How the country is creating jobs through innovation. Forbes. Retrieved from <https://www.tntra.io/blog/robotics-revolution-japan-future-of-work/>
3. Malaysian Investment Development Authority (MIDA) (2023, March 18). Pasaran Robotik Malaysia dijangka cecah RM103.1 bilion menjelang 2030 – MOSTI. MIDA. Retrieved June 21, 2024, from <https://www.mida.gov.my/ms/berita-mida/pasaran-robotik-malaysia-dijangka-cecah-rm103-1-bilion-menjelang-2030-mosti/>
4. Robotics in japan: A brief history. Wasshoimagazine. Retrieved from <https://www.wasshoimagazine.org/blog/curiosities-of-the-japanese-culture/robots>
5. Zeeberg, A. (2020, January 24). What we can learn about robots from Japan. BBC. Retrieved June 21, 2024, from <https://www.bbc.com/future/article/20191220-what-we-can-learn-about-robots-from-japan>



Memupuk Budaya Keusahawanan Di Kalangan Remaja

Ruzaidah binti Sulong @ A. Rashid, Hasmida Mohd Noor, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Raslina Mohamed Nor, Suzila Mat Salleh, Noor Malinjasari Ali

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Emel koresponden: ruzai019@uitm.edu.my

Perkembangan dan kecanggihan teknologi masa kini telah sedikit sebanyak mempengaruhi gaya hidup masyarakat dalam mengendalikan kehidupan seharian. Kebanyakan urusan-urusan peribadi yang penting seperti urusan pembayaran bil, pemindahan wang antara bank, pembaharuan lesen-lesen perniagaan atau kenderaan, kaedah pembelajaran dan pengajaran dalam sesetengah institusi pendidikan, urusan di pejabat-pejabat Kerajaan dan sebagainya dibuat secara atas talian. Selari dengan kecanggihan dan ketersediaan teknologi dan aplikasi, ianya turut membuka ruang kepada usahawan untuk mempelbagaikan kaedah pemasaran di mana pelbagai platform media sosial seperti facebook, Instagram, tiktok, whatsapp, wechat, dan lain-lain digunakan untuk mempromosikan produk mereka dengan lebih efektif dan objektif. Ini menyaksikan lebih ramai usahawan terutama golongan muda yang berjaya menggunakan sepenuhnya kemahiran dalam bidang ICT kerana mereka dapat memperkenalkan dan mempromosikan produk mereka dengan mudah.

Kita sering mendengar kisah usahawan-usahawan yang berjaya yang telah berkecimpung dalam bidang perniagaan sejak kecil lagi samada melalui perniagaan keluarga atau berniaga secara kecil-kecilan. Minat dalam bidang keusahawanan boleh dipupuk sejak kecil melalui persekitaran hidup mereka samada di kalangan keluarga atau di alam persekolahan kerana ia boleh menyuntik semangat pelajar untuk lebih bermotivasi, berfikir kreatif, berusaha menyelesaikan permasalahan, mempelajari pengurusan kewangan dan seterusnya boleh meningkatkan kemahiran komunikasi. Tambahan pula dengan adanya kemudahan platform sosial media, ia boleh memberi galakan kepada pelajar-pelajar apabila tamat pengajian untuk menceburi bidang perniagaan dengan mudah.

Untuk mencapai matlamat memupuk minat dalam bidang keusahawanan, Kementerian Pendidikan Malaysia disaran memperkenalkan matapelajaran keusahawanan diperingkat sekolah menengah dan menjadikan matapelajaran tersebut sebagai matapelajaran wajib seawal ditingkatan satu; bukan pilihan berdasarkan aliran. Kini matapelajaran Pengajian

Keusahawanan hanya ditawarkan disesetengah sekolah untuk pelajar tingkatan 4 dan 5 yang mengambil aliran sastera sahaja. Menurut kajian yang dibuat oleh Wei, Liu dan Sha (2019), hasil dapatan kajian mereka menunjukkan pendidikan keusahawanan adalah penting untuk memupuk pemikiran yang kreatif dan inovatif dimana ianya sangat penting untuk pembangunan dari segi kerjaya pada masa hadapan. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, ilmu keusahawanan yang diperolehi dari sekolah akan membantu pelajar keluar dari masalah pengangguran atau konsep makan gaji.

Untuk menggalakkan budaya keusahawanan di sekolah pula, program-program keusahawanan perlu diperbanyakkan dan dipelbagai (Nor Azam Abdullah, 2022). Selain dari elemen teori yang telah diajar dalam kelas seperti ciri-ciri usahawan yang berjaya, sikap positif yang perlu ada untuk berjaya, bagaimana mencari peluang dari permasalahan, memahami kaedah pengurusan, pemasaran, pengeluaran bahan atau perkhidmatan, kewangan dan sumber manusia, elemen praktikal seharusnya dilaksanakan dengan kreatif.

Pihak sekolah boleh menjadikan aktiviti keusahawanan sebagai salah satu penilaian melalui kerja kursus bagi matapelajaran Pengajian Keusahawanan. Sebagai contoh, pelajar diberi tugas secara berkumpulan untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dan diberi tanggungjawab untuk menyediakan rancangan perniagaan yang sesuai untuk menjual barangan dan seterusnya menetapkan jumlah keuntungan bagi setiap kumpulan. Oleh yang demikian, pelajar bersama ahli kumpulannya akan bekerja dalam pasukan memikirkan apakah bentuk perniagaan, jenis barangan yang hendak dijual, kaedah pemasaran yang efektif dan seterusnya yang melibatkan pengurusan kewangan. Selain dari itu, pihak sekolah juga boleh mengadakan Minggu Keusahawanan dimana ia akan melibatkan pelbagai aktiviti keusahawanan diadakan seperti aktiviti jualan, permainan atau kuiz, dan juga boleh menjemput usahawan yang berjaya di Malaysia sebagai 'role-model'. Oleh yang demikian, ia akan memupuk minat pelajar untuk mendalami ilmu keusahawanan secara mendalam.

Secara keseluruhannya, bidang keusahawanan ini sangat sesuai diperkenalkan diperingkat sekolah menengah lagi supaya pelajar dapat mendalami ilmu keusahawanan dengan lebih awal. Bidang keusahawanan akan mendidik pelajar lebih kreatif dan inovatif, menggunakan kemahiran komunikasi lebih baik dan seterusnya dapat membantu pelajar untuk memilih bidang pekerjaan mereka kelak. Tanggungjawab menerapkan nilai-nilai dan ilmu keusahawanan ini bukan sahaja terletak pada pihak sekolah atau Kementerian Pendidikan Malaysia, tetapi ia perlu mendapat sokongan dari ibubapa dan masyarakat juga.

Rujukan:

- [1] Wei, X., Liu, X., & Sha, J. (2019). How does the entrepreneurship education influence the students' innovation? Testing on the multiple mediation model. *Frontiers in Psychology*, 10, 1557.
- [2] Nor Azam Abdullah (Mac 2022). Pergiati program keusahawanan sejak di bangku sekolah. *Berita Harian*.
- [3] Bernama. (Mei 2023). Subjek Keusahawanan Perlu Diperkenalkan Bermula Di Sekolah Menengah. <https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/akhbar/subjek-keusahawanan-perlu-diperkenalkan-bermula-di-sekolah-menengah>



Kempen “Love Your Journey” Hagley West: Membina komuniti jenama melalui pengembaraan

Nur Aliah Mansor¹, Nor Maizana Mat Naw²

¹Fakulti Perniagaan dan Kewangan, UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN, Kampar, Perak, Malaysia

²Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, Pengkalan Chepa, Kelantan, Malaysia

*Email koresponden: aliah@utar.edu.my

Hagley West (<https://www.hagleywest.com/pages/our-story>), sebuah syarikat jam tangan daripada UK, menggabungkan pengembaraan dengan naratif peribadi dengan kempen pemasaran mereka “Love Your Journey”. Kempen ini menggunakan platform TikTok melalui naratif pengembaraan melalui mata pengasasnya, Tim Hayden (<https://www.youtube.com/@HagleyWest>).

Tim mengembara ke pelbagai destinasi global dengan konsep *scavenger hunt* dan memberi petunjuk lokasi beliau di satu-satu destinasi. Ini menambahkan lagi unsur keseronokan dan penglibatan yang aktif kepada mereka yang gemar teka-teki dan cabaran. Peserta perlu menyahkod petunjuk dan juga secara fizikal mencari Tim dan memberi kata kunci “Love Your Journey” untuk memenangi jam tangan jenama tersebut. Kempen ini mendapat penglibatan dan perkongsian dalam kalangan komuniti TikTok, termasuk kumpulan yang sering diabaikan oleh media sosial seperti demografi lelaki berusia 40 ke atas dan bapa seperti Tim sendiri. Pencarian Tim di bandar mereka juga melibatkan ahli keluarga mereka dan secara tidak langsung telah menjadi aktiviti kekeluargaan.

“Love Your Journey” telah memanusiakkan jenama Hagley West dengan Tim sebagai fokus. Mereka tidak menggunakan kempen tradisional yang bergantung pada selebriti. Cabaran “Love Your Journey” dijalankan secara *live streaming* dengan perkongsian anekdot peribadi Tim semasa menunggu seseorang menemuinya. Kegembiraan Tim ketika berjaya ditemui menjadikan detik tersebut berasa dekat, seperti Tim seorang teman kepada penonton. Walaupun Hagley West adalah sebuah jenama jam tangan, pencarian Tim semasa siaran langsung cabaran “Love Your Journey” menjadikan ia lebih kepada aktiviti libur.

Kempen “Love Your Journey” Hagley West yang diinspirasi oleh Tim melibatkan tahap peribadi dan emosi penonton. Hagley West menggabungkan kejayaan strategi *brotherhood* jenama Harley-Davidson [1] dan elemen keseronokkan pengembaraan *mobile game* Pokémon GO sesuai dengan arus mediasosial kini. Ini menjadikan Hagley West bukan sekadar sebuah jenama jam tangan, ia juga membina komuniti jenama dan meraikan kepelbagaian komuniti tersebut. Setiap pengembaraan Tim simbolik kepada perjalanan kisah hidup setiap pelanggan dan penontonnya.

Rujukan

[1] Fournier, S. & Lee, L. (April 2009). *Getting Brand Communities Right*. Harvard Business Review. Dipetik pada 10 Mei 2024 daripada <https://hbr.org/2009/04/getting-brand-communities-right>



Peranan Usahawan Wanita Dalam Memperkasakan Keusahawanan Digital

Faizatul Akmam Binti Amirrudin¹ and Balqis Binti Mohd Shariff¹

¹Fakulti Pengurusan & Perniagaan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam, Malaysia

*Email koresponden: akmamamir671@uitm.edu.my

Pengenalan

Dalam era digital yang berkembang pesat, keusahawanan telah muncul sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi, inovasi produk yang berdaya saing dan transformasi masyarakat yang produktif. Di tengah-tengah landskap dinamik ini, memperkasa usahawan wanita semakin mendapat pengiktirafan sebagai pemacu utama pembangunan yang inklusif dan mampan. Dengan memanfaatkan kuasa keusahawanan digital, usahawan wanita mampu bersaing dalam dunia digital yang dipelopori oleh golongan Adam dan merubah pandangan stereotaip segelintir kelompok yang masih memandang rendah terhadap kemampuan wanita untuk bersaing dalam dunia digital, dan merubah industri. Keusahawanan digital boleh menjadi pemangkin untuk penyertaan wanita dalam ekonomi digital dengan peluang perniagaan baru yang merentas sempadan, meningkatkan potensi kecekapan usahawan wanita, mengurangkan kadar kemiskinan dengan menjana lebih pendapatan keluarga dan mengurangkan ketidaksetaraan gender. Menurut kajian IFC, antara tahun 2025 dan 2030, wanita boleh menambah lebih daripada \$14.5 bilion kepada pasaran e-dagang di Afrika dan \$280 bilion di Asia Tenggara.

Dorongan dan Cabaran Usahawan Wanita Dalam Dunia Keusahawanan Digital

Dalam dunia keusahawanan digital yang dinamik, factor-faktor yang mendorong kepada usahawan Wanita meneroka keusahawanan digital ini menjadi pendorong kepada mereka meneroka dunia perniagaan digital yang mencabar ini.

Faktor-faktor Pendorong Keusahawanan Digital di Kalangan Usahawan Wanita

1. **Akses kepada Pasaran Global:** Keusahawanan digital membolehkan usahawan wanita mengakses pasaran global dengan lebih mudah dan berkesan. Platform e-dagang, media sosial, dan pemasaran

digital memberikan mereka peluang untuk memasarkan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan di seluruh dunia tanpa perlu menghadapi halangan geografi.

2. **Kos Permulaan yang Rendah:** Keusahawanan digital hanya memerlukan modal permulaan yang lebih rendah berbanding perniagaan konvensional. Ini membolehkan lebih ramai wanita memulakan perniagaan mereka sendiri dengan pelaburan yang minimum, menggunakan alat dan platform digital yang tersedia secara meluas.
3. **Fleksibiliti Masa dan Tempat:** Keusahawanan digital menawarkan fleksibiliti dari segi masa dan tempat, membolehkan usahawan wanita mengimbangi tanggungjawab keluarga dan kerja dengan lebih efisien. Mereka boleh bekerja dari rumah atau mana-mana lokasi dengan akses internet, yang meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan mereka.
4. **Rangkaian dan Komuniti Sokongan:** Terdapat banyak rangkaian dan komuniti dalam talian yang menyediakan sokongan, bimbingan, dan peluang pembelajaran kepada usahawan Wanita seperti Program Teknologi Digital Usanita. Melalui platform ini, mereka dapat berkongsi pengalaman, memperoleh pengetahuan baru, dan membina hubungan yang bermanfaat dengan usahawan lain dan pakar industri.

Cabaran untuk Usahawan Wanita dalam Keusahawanan Digital

1. **Jurang antara Gender dalam Pendidikan Teknologi:** Literasi digital dan kemahiran teknologi adalah kritikal dalam dunia keusahawanan digital. Walau bagaimanapun, akses wanita kepada pendidikan dalam bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik) masih rendah. Data UNESCO menunjukkan hanya 35% pelajar STEM di pendidikan tinggi adalah wanita, dengan hanya 3% memilih ICT sebagai bidang pengajian.

2. **Stereotaip Gender dan Cabaran Budaya:** Wanita sering menghadapi stereotaip gender yang boleh menjarakkan mereka dalam industri yang didominasi oleh lelaki. Ini bukan sahaja menghalang mereka daripada mengejar cita-cita keusahawanan mereka, tetapi juga boleh menjejaskan keyakinan diri dan motivasi mereka. Isu ini disebabkan oleh peranan dan tanggungjawab Wanita di dalam menguruskan urusan keluarga mereka.
3. **Kemudahan Kewangan yang Terhad:** Kekurangan pinjaman kewangan yang terhad daripada institusi kewangan. Di samping itu, usahawan wanita turut menghadapi kesukaran memperoleh kredit daripada pembekal.
4. **Saingan Hebat Media Sosial sebagai Platform Keusahawanan Digital:** Untuk kekal relevan di dalam dunia keusahawanan digital, media sosial telah menjadi pentas yang sengit bagi usahawan Wanita di mana e-platform didominasi oleh usahawan lelaki. Disamping itu, usahawan Wanita juga perlu bersaing dengan pesaing-pesaing global seperti usahawan digital daripada China yang lebih agresif dan kompetitif.
5. **Kekurangan Akses kepada Rangkaian dan Mentorship:** Rangkaian dan mentorship adalah penting untuk kejayaan dalam keusahawanan digital. Namun, usahawan wanita sering menghadapi kesukaran untuk membina dan memperluas rangkaian mereka, serta mendapatkan bimbingan daripada mentor yang berpengalaman. Hal ini boleh menjejaskan kemampuan mereka untuk memperoleh maklumat, peluang, dan sumber yang penting untuk perniagaan mereka.

Kesimpulan

Faktor-faktor pendorong dan cabaran usahawan wanita dalam dunia keusahawanan digital adalah pelbagai dan kompleks merangkumi faktor sosial, ekonomi dan Pendidikan. Memperkasa usahawan wanita dalam keusahawanan digital bukan sahaja penting untuk mencapai kesaksamaan jantina, tetapi juga merupakan langkah strategik untuk pembangunan yang inklusif dan mampan. Usahawan Wanita harus mengambil Langkah yang proaktif dalam menembusi dan mempelopori dunia keusahawanan digital supaya seiring dengan kehendak negara yang mahu melihat lebih ramai usahawan Wanita dalam dunia digital.

Rujukan

- [1] Benchkart (2023, March 7). Rise of women entrepreneurs in the digital economy. <https://benchkart.com/blog/rise-of-women-entrepreneurs-in-digital-economy/>
- [2] Bieber, S. (2024, March 12). 4 strategies for women entrepreneurs to leverage digitization. Insight. <https://etinsights.et-edge.com/4-strategies-for-women-entrepreneurs-to-leverage-digitization/>
- [3] Gogoi, S. (2023, August 23). The role of digital technologies in empowering women entrepreneurs. LinkedIn. <https://www.linkedin.com/pulse/role-digital-technologies-empowering-women-sparlee-gogoi/>
- [4] International Finance Corporation (IFC). (2021, May). Women and e-commerce in Southeast Asia. <https://www.ifc.org/content/dam/ifc/doc/mgrt/202105-digital2equal-women-and-e-commerce-southeast-asia.pdf>
- [5] International Finance Corporation (IFC). (2021, May 25). Women and e-commerce in Africa. <https://www.ifc.org/content/dam/ifc/doc/mgrt/202105-digital2equal-women-and-e-commerce-africa.pdf>
- [6] Organization for Economic Co-operation and Development (OECD). (2018, March 14). Empowering women in the digital age: where do we stand? <https://www.oecd.org/social/empowering-women-in-the-digital-age-brochure.pdf>
- [7] Siti Hazarina Hazudin, Mohamad Fazli Sabri, Mohd Aidil Riduan Awang Kader & Maisarah Ishak. (2021). Empowering women-owned businesses in the era of digital transformation: a review of the opportunities and challenges. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*. December 2021. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i19/11731>
- [8] United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD). (2014). Empowering women entrepreneurs through information and communication technologies: a practical guide. https://unctad.org/system/files/official-document/dtlstict2013d2_en.pdf
- [9] United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD). (2022). Fostering women entrepreneurship in the digital economy. <https://etradeforall.org/wp-content/uploads/2022/12/eT4W-Legacy-Paper-2019-2021-Fostering-Women-Entrepreneurship-in-the-Digital-Economy.pdf>

Sekilas Pandang Industri Makanan Halal Di Malaysia

Noor Malinjasari Binti Ali,¹ Roseziahazni Abd Ghani¹, A'tiqah Rashidah Abu Samah¹, Nur Muslimah Kamilah Abdullah¹, Yau'mee Hayati Mohd Yusoff¹, Rahayu Izwani Borhanddin², Roszainora Setia³, Kardina Kamaruddin⁴, Hasmi Mokhlis⁵, Aff Zuhri Mohamad Khodri Harahap¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia

²Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Malaysia

³Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Malaysia

⁴Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

⁵Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Malaysia

emel koresponden: hasmi@uitm.edu.my

Usahawan adalah orang yang mempunyai ciri-ciri mencari maklumat dan menjadi proaktif dan untuk itu, industri halal membuka ruang untuk para usahawan mengembangkan sayap perniagaan mereka kerana makanan halal menyediakan pasaran yang luas untuk para usahawan mencuba Nasib. Malaysia telah pun dikenali sebagai antara pengeluar utama makanan halal dan menjadi Negara yang telah menubuhkan indikator makanan halal seperti logo halal JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia). Dilaporkan bahawa pasaran global untuk makanan dan gaya hidup halal mencecah USD3.7 trillion pada tahun 2019. Ini menunjukkan bahawa potensi pasaran untuk sektor makanan halal di peringkat antarabangsa. Di Malaysia, nilai industri makanan halal mencecah RM37.7 billion yang boleh dikatakan merupakan perkembangan yang pesat dalam industri makanan halal. Industri makanan telah memberikan lebih perhatian kepada keperluan halal bukan sahaja demi memenuhi tuntutan agama untuk yang beragama Islam mencari makanan yang halal tetapi juga memperluaskan potensi pasaran halal kepada pengguna bukan beragama Islam.

Permintaan terhadap makanan halal di pasaran antarabangsa meningkat kerana tiga faktor penting iaitu pertama, pertumbuhan populasi Muslim, peningkatan kuasa membeli di kalangan pengguna Muslim dan kesedaran terhadap kehendak Islam mengenai yang halal dan yang haram. Di Malaysia, keperluan kepada makanan halal dimulakan oleh JAKIM dan dibangunkan menjadi sebuah industri oleh HDC (*Halal Development Centre*). Menurut statistik yang disediakan oleh mereka, dagangan makanan halal meliputi 60.0 peratus daripada keseluruhan dagangan global produk-produk halal.

Walau bagaimanapun, kepatuhan kepada amalan halal telah diberi perhatian yang banyak kepada makanan halal berbanding

produk-produk lain. Muslim lebih sensitive kepada isu makanan halal daripada produk dan perkhidmatan lain.

Kenyataannya, makanan halal terutama daging yang halal telah diberi perhatian bukan setakat di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Untuk keseluruhan produk halal, penerimaan umum terhadap makanan halal di kalangan pengguna global adalah kesan daripada kepatuhan kepada agama dan ciri-ciri khusus makanan yang mendapat persijilan halal iaitu bersih syaria, bersih zat dan selamat untuk dimakan. Daripada perspektif global, Malaysia telah dianggap sebagai pemain utama dalam pasaran makanan halal. Haram adalah konsep yang berlawanan dengan halal iaitu tidak dibenarkan dalam syariat Islam. Komitmen Kerajaan Malaysia dalam membangunkan industri halal adalah sangat mengagumkan menurut persepsi negara Muslim yang lain.

Tambahan pula, Malaysia menjadi contoh dalam mempromosikan makanan halal dengan menggabungkan faktor agama dan faktor saintifik seperti kebersihan, keselamatan dan Kesihatan. Johan Fisher (2008) telah menekankan perkara ini dalam laporan EMBO (*European Molecular Biology Organization* (EMBO)) dengan menyatakan bahawa Malaysia telah mempromosikan halal sebagai jambatan antara tuntutan agama dan pendekatan piawaian saintifik dan sebagai contoh padanan antara Islam kontemporari, perniagaan dan pengguna Muslim.

Sungguhpun begitu, permintaan daripada peringkat nasional mahupun global terhadap makanan halal oleh pengguna Muslim menjadikan ia satu bentuk perdagangan yang bersifat komersial. Peraturan asas mengenai makanan halal perlu diperhatikan dan perlu memtahui peraturan Islam dalam soal halal dan haram. Secara teknikal, makanan halal perlu

disediakan dan diproses seta dibuat secara hygenik untuk keselamatan pengguna. Ini termasuk proses penyembelihan, penuimpanan, pameran dan penyediaan bahan makanan itu sendiri. Apatah lagi dalam al-Quran, beberapa penekanan diberikan kepada unsur Tayyib atau makakan berkualiti (yang halal lagi baik).

Sebagai kesimpulan, mencari makanan halal adalah menjadi kewajipan setiap Muslim dan moga Malaysia terus maju dalam industri makakan halal di peingkat global dan mampu membangunkan sebuah ekonomi yang pesat melalui pelbagai aktiviti perniagaan usahawan Muslim yang boleh membanggakan umat Islam di seluruh dunia.

Rujukan

- [1] Abdul Ghafur Hamid, ed., *Islam in Human Rights Law: International, Malaysia and Islamic Perspective*, (Malaysia: Sweet and Maxwell, 2012).
- [2] Abdul Kadir Mohd. Ayub, "Remaja Melayu Tidak Sensitif Status Halal," *Dewan Masyarakat*, Mac 2011, 21.
- [3] Abdul Manaf Bohari, Cheng Wei Hin, Nurwahida Fuad, "An Analysis on the Competitiveness of Halal Food Industry in Malaysia: An Approach of SWOT And ICT Strategy," *Geografia Malaysia Journal of Society and Space* 9, no.1 (2013), 1-11.
- [4] Abdul Raufu Ambali and Ahmad Naqiuddin Bakar, "Halal Food and Products in Malaysia: People's awareness and Policy Implications," *Intellectual Discourse* 21, no. 1 (2013), 7-32.
- [5] Ahmad Azrin Adnan, "Islamic Consumer Behavior (ICB): Its Why and What," *International Journal of Business and Social Science* 2, no. 21 (2011), 157- 165.
- [6] Aiedah Abdul Khalek, Sharifah Hayaati and Hairunnisa Mohd Ibrahim, "A Study On The Factors Influencing Young Muslims' Behavioral Intention In Consuming Halal Food In Malaysia," *Shariah Journal* 23, no. 1 (2015), 53-74.



The Struggles of Small and Medium Enterprises in Malaysia: Navigating Economic Uncertainty

Normaizatul Akma Saidi^{1*}, Nursalihah Ahmad Raston¹, Naziatul Aziah Mohd Radzi² & Noraida Saidi³

¹Faculty of Hospitality, Tourism and Wellness, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

²Faculty of Economics and Management, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

³Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kelantan, Malaysia

*Corresponding email: akma.s@umk.edu.my

The Malaysian economy is primarily composed of small and medium-sized firms, or SMEs. Nearly 70% of workers are employed by small enterprises, which account for 98.5% of all businesses in Malaysia (Department of Statistics, 2021). The GDP of Malaysia was boosted by 1,226,494 small enterprises in 2021, amounting to RM500 billion, or almost 38%. Even though SMEs are the backbone of the country's economy, they frequently encounter difficulties, ranging from volatile international markets to modifications in internal policies. This article highlighting their challenges for building resilience in the current economic situation.

